

**PENGGUNAAN BAHASA MELAYU
SEBAGAI BAHASA PENGANTAR UTAMA ILMU
DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI
DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA**

HAMDAN AZMI BIN ABD. AZIZ

**IJAZAH SARJANA SAINS
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

2013

1100090956



tesis
PL 5105 .H3 2013



1100090956
Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama
ilmu dalam bidang sains dan teknologi di institusi pengajian
tinggi Malaysia / Hamdan Azmi Abd. Aziz.

PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)
21030 KUALA TERENGGANU

1100090956

1100090956		

Lihat Sebelah

HAK MILIK
PUSAT PEMBELAJARAN DIGITAL SULTANAH NUR ZAHIRAH

**PENGGUNAAN BAHASA MELAYU
SEBAGAI BAHASA PENGANTAR UTAMA ILMU
DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI
DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA**

HAMDAN AZMI BIN ABD. AZIZ

**Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat
untuk memperoleh Sarjana Sains di Fakulti
Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia
Terengganu**

Mac 2013

ABSTRAK

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Malaysia Terengganu sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Sarjana Sains.

PENGGUNAAN BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA PENGANTAR UTAMA ILMU DALAM BIDANG SAINS DAN TEKNOLOGI DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI MALAYSIA.

HAMDAN AZMI BIN ABD. AZIZ

Mac 2013

Penyelia Utama : Profesor Madya Dr. Noor Rohana bt. Mansor

Fakulti : Pembangunan Sosial

Kajian ini menganalisis penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama ilmu dalam kalangan tenaga akademik di institusi pengajian tinggi (IPT). Matlamat utama kajian ini adalah untuk melihat sejauh manakah persepsi tenaga akademik terhadap kemampuan bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa pengantar utama ilmu di IPT khususnya dalam bidang sains dan teknologi. Selain itu, kajian ini juga menganalisis penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam proses pengajaran dan pembelajaran di IPT. Di samping itu, kajian ini juga mengenal pasti kekangan-kekangan utama yang menghalang usaha untuk memartabatkan penggunaan bahasa Melayu serta memikirkan strategi-strategi terbaik untuk mengembalikan semula fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa utama di IPT.

Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada perubahan dasar kerajaan pada tahun 1993 yang telah menggesa Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA)

menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar utama khususnya dalam bidang sains dan teknologi. Selain itu, kelonggaran yang telah diberikan oleh kerajaan dalam Akta Pendidikan 1996 kepada Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam isu penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar turut memberi kesan terhadap fungsi dan kedudukan bahasa Melayu. Secara amnya, kajian ini berbentuk deskriptif yang menggunakan kaedah tinjauan melalui soal selidik dan disokong oleh data-data melalui kaedah temu bual. Sampel kajian terdiri daripada 212 tenaga akademik daripada IPTA dan IPTS dalam bidang sains dan teknologi. Data-data yang diperolehi daripada responden dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences (SPSS)*. Sampel kajian diuji dengan menggunakan Ujian-T dan ANOVA bagi menjelaskan keadaan sebenar penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di IPT.

Hasil kajian mendapati tenaga akademik di IPT yakin dengan kemampuan bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa pengantar utama ilmu dalam bidang sains dan teknologi di IPT. Walau bagaimanapun, keyakinan ini tidak dapat diterjemahkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Ini kerana dasar penggunaan bahasa pengantar di peringkat pengajian tinggi lebih memberi fokus terhadap penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar. Dengan kata lain, bahasa Melayu bukanlah bahasa pengantar utama ilmu dalam sistem pendidikan peringkat pengajian tinggi.

Jika ingin melihat bahasa Melayu kembali ke landasan menjadi bahasa ilmu moden seperti bahasa-bahasa maju di dunia, pihak kerajaan dan pengurusan

tertinggi di setiap IPT serta seluruh tenaga akademik perlu meletakkan kepentingan menjadikan bahasa Melayu sebagai pengantar utama dalam sistem pendidikan peringkat pengajian tinggi. Dasar kerajaan perlu lebih jelas dan tersusun dalam merencanakan langkah-langkah memartabatkan bahasa Melayu. Polisi di setiap IPT juga perlu selari dengan dasar kerajaan, jika tidak usaha untuk mengangkat taraf bahasa Melayu tidak akan mencapai objektifnya.

especially in the field of science and technology. Consequently, the leniency that was given to private higher learning institutions pertaining to the use of English as the language of instruction had also affected the function and position of the Malay language.

This study takes on the descriptive approach that used a set of questionnaire supported by focus group interviews. The sample of the study consisted of 212 academicians from both public and private higher learning institutions from the field of science and technology. The data was analyzed by using the SPSS program through t-test and ANOVA to further explain the use of the Malay language as the language of instruction in higher learning institutions.

The findings show that academicians in higher learning of institutions are convinced of the capability of the Malay language as the main language of instruction in teaching and learning of science and technology. Nevertheless, this cannot be realized in the process of teaching and learning due to the present language policy that emphasizes on the use of English as language of instruction. In other words, the Malay language is not the main language of instruction in the higher institution learning system.

To ensure that the Malay language is able to be at considered as the language of knowledge and be at par with other developed language of the world, the government, administrators of higher learning institutions as well as academicians need to uphold the importance of the Malay language as the language of instruction in higher learning institutes. A clearer more systematic policy is needed in order to strategize steps to uphold the Malay language. This

policy should also be ensured by all higher learning institutions. Without an integrated support from all parties, the objective to uplift the standard of the Malay language as the language of knowledge will not be achieved.